

# Bina 4 rumah dalam 6 minggu

HM 28 JAN 2015 SETEMPAT M/S 14

**Kuala Lipis:** Universiti Malaysia Pahang (UMP) akan menggunakan kepakarannya dalam membantu mangsa banjir membina rumah yang musnah baru-baru ini melalui kaedah kabin.

Kaedah pembinaan rumah berasaskan kabin dibangunkan anak syarikat UMP Innovest Sdn Bhd itu mampu membina empat rumah dalam tempoh enam minggu yang lebih cepat berbanding kaedah konvensional.

Naib Canselor UMP Profesor Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim berkata, pihaknya menyediakan dua jenis kabin yang mempunyai tiga bilik tidur dan dua bilik mandi serta dua bilik tidur dan dua bilik mandi.

“Untuk rumah mempunyai tiga bilik berkeluasan 700 kaki persegi kita menawarkannya dengan harga RM65,000 manakala rumah dua bilik pula berharga RM45,000 dan ia dilengkapi pendawaian elektrik.

“Rumah ini lebih cepat dibina kerana berkonsepkan pasang siap, kita sudah ada peralatannya dan hanya perlu memasangnya,” katanya, di sini, semalam.